

**ZAIRE'S BISKUT**

**LOT 95, KAWASAN PERINDUSTRIAN KUALA KETIL  
08000 KUALA KETIL  
KEDAH DARULAMAN**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**ENCIK AMRAN B. AWANG  
PENSYARAH ETR 300  
ITM CAWANGAN  
PERLIS**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**AMELA FARRIZA MUSTAFFAR BUKHARI  
(93440906)  
ERNY MARLINA AHMAD  
(93791171)  
IDAH ISMAIL  
(93872807)  
ROZILAWATI MUHAMMAD  
(93872933)  
ZAHABIAH MOHAMMAD  
(93872926)**

**DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES**

**TARIKH PENYERAHAN  
17 APRIL 1996**

## ISI KANDUNGAN

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
Surat Penyerahan Pelajar .....	1
Mukaddimah .....	4
Penghargaan.....	6
Surat Perjanjian Perkongsian .....	8
Sinopsis .....	12
Pesaing .....	13
Modal .....	14
Logo .....	15
Pengenalan .....	16
Tujuan.....	18
Latarbelakang Syarikat .....	20
Senarai Sumbangan Ahli Kongsi.....	21
Latarbelakang Ahli Kongsi .....	22
Latarbelakang Projek .....	27
Rancangan Pengurusan.....	29
Rancangan Pemasaran.....	51
Rancangan Operasi .....	74
Rancangan Kewangan.....	92

## **SINOPSIS**

### **NAMA SYARIKAT**

Syarikat kami telah didaftarkan dengan nama ZAIRES Biskut dan ia adalah merupakan sebuah syarikat perkongsian yang terdiri daripada 5 orang rakan kongsi.

### **LOKASI**

Syarikat dan kilang kami terletak di Lot 95, Kawasan Perindustrian Kuala Ketil, 08000 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman. Ia terletak kira-kira 2 km daripada bandar Kuala Ketil dan 35 km daripada bandar Kulim serta 20 km dari bandar Sungai Petani. Ia juga boleh dikatakan berhampiran dengan lebuh raya Utara-Selatan.

### **BARANGAN**

Syarikat kami akan mengeluarkan biskut yang menggunakan perisa buah-buahan tempatan seperti pisang, durian, koko, kelapa dan mempelam.

### **PASARAN**

Sasaran utama pasaran barangan kami adalah di kawasan utara iaitu disekitar negeri Kedah, Perlis, Penang dan Perak.

## **PENGENALAN**

Penubuhan ZAIRE'S adalah berdasarkan perkongsian yang terdiri daripada lima orang rakan kongsi yang mempunyai wawasan yang tinggi yang sama-sama menyumbangkan modal dan tenaga. ZAIRE'S merupakan sebuah perniagaan yang baru dan kegiatan utama perniagaan ini adalah membuat dan mengedar biskut yang diperbuat daripada perisa buah-buahan tempatan seperti koko, kelapa, pisang, mempelam dan durian.

Lokasi kilang kami terletak di Lot 95, Kawasan Perindustrian Kuala Kotil, 08000 Kuala Kotil, Kedah. Pada masa ini ZAIRE'S Biskut akan beroperasi dengan keluasan kilang kira-kira 80' kali 60' yang mana didalamnya adalah terdiri daripada bilik-bilik pengurus, lobi, bilik mesyuarat dan bahagian operasi. Lokasi kilang kami adalah sangat strategik kerana ia dilongkapi dengan berbagai kemudahan asas. Kami merancang untuk menjalankan perniagaan kami dalam jangkamasa 3 tahun yang akan datang.

Tujuan utama kami memilih perniagaan ini memandangkan pada masa sekarang permintaan terhadap biskut sangat menggalakkan. Di samping itu kami juga dapati kebanyakan pengeluar-pengeluar biskut terdiri daripada golongan bukan bumiputra. Jadi, dengan ini kami mengambil inisiatif untuk mengusahakan perusahaan ini.

**ZAIRE'S** sangat memprioritaskan kepuasan hati pelanggan kami. Bagi kami **ZAIRE'S** mempunyai potensi yang besar untuk berkembang di masa hadapan memandangkan kualiti barangan kami adalah tinggi serta terjamin mutunya dan ianya berupaya menyaingi barangan dari syarikat pesaing yang sedia ada dipasaran.

Melalui perancangan penubuhan **ZAIRE'S** ini, kami berharap agar ianya menjadi asas kepada kaum bumiputra yang lain menceburi bidang perniagaan ini.